

Headline **Sambungan 4Gps ke Mimos**
 Date **08 Sep 2010**
 MediaTitle **Harian Metro**
 Section **Variasi**
 Journalist **Afiq Hanif**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
 Page No **V20**
 Article Size **372 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **10,697**
 PRValue **32,091**



Sambungan 4Gps ke Mimos



>>Oleh Afiq Hanif
 afiq@hmetro.com.my

PUSAT penyelidik terkemuka, Mimos Bhd (Mimos) mencipta penyambungan berkelajuan tinggi berasaskan teknologi optik gentian membolehkan sambungan khusus selaju empat gigabit (4Gps) yang menghubungkan pusat itu dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Sambungan terbabit dijangka menyokong lapan gelombang berbeza untuk menerima dan menghantar data yang memungkinkan UIAM menda-pat akses secara terus ke Perkhidmatan Grid Mimos bagi perisian dan kejuruteraan saintifik.

Melalui teknologi terbabit, UIAM akan menikmati kemudahan pantas untuk proses 'render' yang digunakan bagi pembikinan animasi disalurkan dari kampus universiti terbabit di Gombak.

Projek kedua bersama Mimos itu dicapai susulan kejayaan Pusat Kecemerlangan (CoE) universiti dalam bidang keselamatan maklumat yang dibangunkan beberapa ketika dulu.

Ketua Pegawai Operasi Mimos, Abdul Aziz Abdul Kadir berkata, jarak disediakan untuk menghubungkan dua lokasi itu sejauh 70 kilometer menggunakan gentian tunggal yang digabungkan dengan teknologi Dense Wavelength Division Multiplexing (DWDM).

"Kemudahan itu menyediakan prasarana kakitangan akademik UIAM serta pelajar sarjana dan tahun akhir untuk menjalankan penyelidikan dengan lebih pantas yang disediakan Mimos," katanya.



PANTAS...Abdul Aziz (tengah) menjelaskan sesuatu mengenai perkomputeran yang dihubungkan terus ke Mimos.

Beliau memaklumkan, tempoh diperlukan untuk melengkapkan kajian sebelum ini mengambil masa lama kerana masalah penyambungan

dan kelajuan. "Selain itu, terdapat isu berdepan masalah pembelian lesen untuk penggunaan

perisian kerana ia mampu mencecah jutaan ringgit," katanya.

Abdul Aziz berkata, UIAM institusi pengajian

tinggi awam (IPTA) pertama menawarkan perkhidmatan seumpama itu yang memperkenalkan kemudahan berkenaan, penyelidik akan menghasilkan bahan kajian lebih bermutu.

Dalam pada itu, Timbalan Rektor, Penyelidikan dan Inovasi UIAM, Prof Dr Ahmad Faris Ismail berkata, setakat ini, terdapat lebih kurang 15 penyelidik termasuk pelajar tahun akhir dan pengajian sarjana.

"Berdasarkan pemasangan prasarana terbabit, kami menjangkakan jumlah penyelidik akan bertambah sehingga dua kali ganda sekiranya kemudahan ini dimanfaatkan sepenuhnya," katanya.

Sehingga kini, Perkhidmatan Grid Mimos memiliki lapan aplikasi perkomputeran berprestasi tinggi (HPC) yang digunakan untuk animasi, kejuruteraan dan bioinformatik merangkumi 256 unit pusat pemrosesan (CPU).